

Berjoget tanpa lesen

Dua premis
hiburan
langgar syarat
diarah tutup
serta-merta



SERBUAN dijalankan penguat kuasa DBKL di premis hiburan di sekitar Jalan Changkat Bukit Bintang bermula jam 10 malam hingga 2 pagi.

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tindakan dua premis hiburan di Jalan Changkat Bukit Bintang di sini melanggar syarat lesen mengundang padah apabila diarahkan tutup Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Jumaat lalu.

DBKL menerusi Jabatan Penguatkuasaan serta Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan melaksanakan Tindakan Khas Premis Berisiko (Aktiviti Hiburan) Siri 12/2023 di Jalan Changkat Bukit Bintang di sini bermula jam 10 malam hingga 2 pagi.

Menurutnya, hasil serbuan dan pemeriksaan pegawai penguat kuasa DBKL



DUA premis hiburan di Jalan Changkat Bukit Bintang, Kuala Lumpur diarahkan tutup selepas melanggar syarat lesen.

di lima premis perniagaan restoran atau pub berkenaan, DBKL mendapati premis turut mengadakan aktiviti hiburan membabitkan persembahan *live* muzik, nyanyian karaoke dan DJ Muzik tanpa kebenaran dan kelulusan.

"Tindakan penutupan (*sealed*) serta-merta terha-

dap dua premis dilakukan mengikut Seksyen 17, Akta Hiburan 1992 termasuk membuka empat kertas siasatan mengikut Seksyen 4(1)(a) dan 4(1)(b) kerana mengadakan aktiviti hiburan (*live* muzik/DJ) tanpa kebenaran.

"Tiga notis kompaun kerana melantik pembantu

tanpa kebenaran dan satu notis kompaun kerana premis tiada lesen beroperasi mengikut Undang-Undang Kecil Petempatan Makanan (WPKL) 2016 serta dua notis kompaun tiada lesen iklan mengikut UUK 5(1) Undang-Undang Kecil Iklan (WPKL) 1982," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, 12 peralatan muzik disita membatikan penutupan dua premis berkenaan.

"Barangan dan peralatan muzik dihantar ke Stor Sitaan DBKL di Jalan Lombong, Taman Miha-rja, Cheras bagi tujuan rekod dan penyimpanan sementara.

"Tindakan penguatkuasaan diteruskan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan lain sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," katanya.